KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KOLEJ KOMUNITI AMPANG

# GARIS PANDUAN PENGURUSAN COVID-19

## Kolej Komuniti Ampang

## Kementerian Pengajian Tinggi

# KANDUNGAN


01 TUJUAN

02 LATAR BELAKANG

03 OBJEKTIF

04 TAFSIRAN

05 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

05 PELAKSANAAN

# TUJUAN

01

## Garis Panduan:

Sebagai rujukan kepada pensyarah, pelajar dan warga Kolej Komuniti Ampang tentang pengurusan kolej dengan mengambil langkah-langkah bagi mengawal  penularan

01

## Garis Panduan:

Hendaklah dibaca bersama dengan surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan arahan serta peraturan berkaitan yang sedang berkuat kuasa dan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

01

## Garis Panduan:

Dokumen induk yang perlu dirujuk bagi pengoperasian Kolej Komuniti Ampang. Sebarang tambahan atau perubahan maklumat akan dijadikan tambahan (annex) kepada dokumen ini.

# LATAR BELAKANG

**16/3/2020**

Perisytiharan PKP oleh Kerajaan bermula 16 Mac 2020

**4/5/2020**

Dilanjutkan kepada PKPB bermula 4 Mei 2020

**Seterusnya**

KPT telah menyediakan satu garis panduan pengurusan kolej dan disimulasikan hadapi COVID-19

**Seterusnya**

Garis panduan ini juga telah mendapat pengesahan daripada KKM dan MKN, Jabatan Perdana Menteri.

# OBJEKTIF

## OBJEKTIF GARIS PANDUAN ADALAH UNTUK MEMASTIKAN:

01 Pengurusan kolej dapat berlaku dengan lebih teratur dan lancar.

02 Keselamatan dan kesihatan pelajar, pensyarah dan warga kolej diutamakan semasa berada di kolej.

03 Proses PdP berlaku dalam keadaan selamat.

# TAFSIRAN

### 01 BERGEJALA

Bermaksud simptom awal COVID-19 iaitu mengalami demam (suhu badan 37.5’C dan keatas, batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas

### 02 BILIK PdP

Bermaksud bilik kuliah dan bili-bilik khas yang digunakan bagi tujuan PdP

### 03 PENJARAKAN SOSIAL

Bermaksud jarak antara satu individu dengan individu lain sekurang-kurangnya satu meter.

# PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

## 1. PENTADBIR KOLEJ

01 — Memastikan kolej berada dalam keadaan selamat untuk beroperasi

02 — Memastikan pelajar, pensyarah dan warga kolej yang hadir ke kolej berada dalam keadaan sihat dan selamat

03 — Memberikan penerangan berterusan kepada semuawarga kolej mengenai penularan jangkitan COVID-19 dengan memperincikan kepentingan penjagaan kesihatan

04 — Memastikan pelajar, pensyarah dan warga kolej mematuhi garis panduan yang ditetapkan

05 — Memantau PdP yang dijalankan dan memberikan sokongan yang bersesuaian kepada pensyarah

06 — Melaporkan perkembangan pembelajaran pelajar kepada ibu bapa/penjaga

07 — Membuat keputusan untuk menangani isu pengoperasian kolej berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPT serta mengambil kira pandangan pihak yang berkaitan

# PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB (SAMB.)

## 2. PENSYARAH




01 — Melaksanakan PdP yang bersesuaian dengan kesediaan pelajar dan situasi semasa

02 — Mengingatkan pelajar untuk sentiasa menjaga kebersihan dan mengamalkan penjarakan sosial

03 — Memaklumkan pentadbir kolej jika terdapat pelajar yang bergejala

# PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB (SAMB.)

## 3. IBUBAPA/ PENJAGA

Memastikan anak/anak jagaan berada dalam keadaan sihat, menjaga kebersihan diri dan tidak menunjukkan gejala awal COVID-19 sebelum hadir ke kolej;

01

Membantu anak/anak jagaan belajar mengikut kemampuan ibu bapa/penjaga

02

Memberikan motivasi kepada anak/anak jagaan untuk terus belajar

03

# PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB (SAMB.)

## 4. PELAJAR




Memastikan mengikut arahan pergerakan yang telah ditetapkan oleh pihak kolej **iaitu mengikut laluan yang ditetapkan, memeriksa suhu badan, mengimbas kod QR dan jika suhu melebihi 37.5'C, maklumkan kepada pensyarah yang bertugas**

Memastikan kesihatan diri dalam keadaan baik sebelum datang ke kolej iaitu **Tiada gejala, deria bau dan rasa dalam keadaan normal, badan tidak merasa lenguh dan sentiasa memakai pelitup muka serta hand sanitizer**

Memastikan segala pergerakan dalam kolej adalah mengikut arahan penjarakan yang telah ditetapkan

Tidak digalakan untuk bersentuhan antara pelajar seperti **bersalam dan berpelukan**

Pastikan sentiasa mengamalkan arahan penjarakan di **dalam bilik kuliah, dapur, makmal, bengkel dan tempat yang melibatkan pelajar yang ramai.**

# PELAKSANAAN

1. Pengurusan Kolej

01

Kehadiran pensyarah dan pelajar ke kolej adalah seperti yang berikut: **a. kehadiran pensyarah tertakluk pada arahan perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perdana Menteri dan KPT dari semasa ke semasa**

02

Perhimpunan kolej dan aktiviti lain yang melibatkan **pelajar, pensyarah atau warga kolej berkumpul secara beramai-ramai tidak dibenarkan.**

03

Pentadbir mesti memberikan fokus kepada **lima (5) aspek dalam pengurusan kolej, iaitu pengurusan prasarana, keselamatan pelajar, pensyarah dan warga kolej, PdP, peranan ibu bapa/penjaga.**

# PELAKSANAAN (SAMB.)

2. Pengurusan Prasarana

01 Memastikan kawasan dan bangunan kolej termasuk semua bilik PdP dibersihkan sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) bermula dan pada setiap hari selepas tamat sesi kuliah.

02 Memastikan fokus utama pembersihan adalah pada permukaan yang sering disentuh dan pada paras ketinggian yang boleh dicapai oleh tangan seperti **tombol pintu, suis lampu**

03 Menyediakan pelan perancangan susun atur bilik-bilik PdP dengan mengoptimumkan penggunaan bilik-bilik khas dan lokasi-lokasi lain yang bersesuaian dan boleh berfungsi dengan baik

04 Memastikan semua bilik PdP disusun atur mengikut arahan penjarakan sosial sebelum kolej dibuka

# PELAKSANAAN (SAMB.)

2. Pengurusan Prasarana

05 Memastikan susunan meja bagi setiap kelas mesti berada dalam jarak **satu (1) meter antara satu dengan yang lain**. Sekiranya bilangan pelajar melebihi kapasiti meja yang disediakan, lebihan pelajar perlu ditempatkan di kelas yang lain

06 Memastikan pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi bagi setiap bilik PdP, bilik pensyarah dan pejabat

06 Menyediakan bilik isolasi bagi pelajar yang bergejala sebelum mendapatkan rawatan. Bilik ini perlu dibekalkan dengan pelitup muka serta sabun/pensanitasi tangan (hand sanitizer)

08 Menyediakan pelan lokasi untuk diletakkan tanda penjarakan sosial dengan menggunakan pita pelekat berwarna di lokasi yang bersesuaian seperti yang berikut:

a. **Bilik PdP**
b. **Perpustakaan**
c. **Bilik pensyarah/pejabat**
d. **Lif**

# PELAKSANAAN (SAMB.)

2. Pengurusan Prasarana

09 Menyediakan pelan laluan pergerakan terarah atau sehala. Tanda penjarakan diletakkan untuk memandu arah pergerakan pelajar dalam kawasan kolej

10 Menyediakan tong sampah bertutup dan dipastikan sentiasa ditutup

11 Menyediakan sabun di lokasi yang bersesuaian seperti **tandas dan surau, manakala pensanitasi tangan (hand sanitizer) boleh disediakan di lokasi seperti bilik PdP, pejabat dan bilik pensyarah**

12 Mempamerkan bahan bercetak mengenai langkah kebersihan dan keselamatan di lokasi strategik seperti **laluan pelajar, bilik PdP, pejabat**

13 Meletakkan peringatan langkah-langkah pencegahan COVID-19 di pintu masuk utama kolej.

# PELAKSANAAN (SAMB.)

3. Keselamatan Pelajar, Pensyarah dan Warga Kolej

01 merujuk Standard Operating Procedure (SOP) Pencegahan Penularan Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Kolej Kementerian Pengajian Tinggi

02 memastikan pelajar, pensyarah dan warga kolej berada dalam keadaan sihat untuk hadir ke kolej. Pemakluman awal perlu diberikan kepada mereka sebelum kolej dibuka semula;

03 Memastikan saringan **demam serta gejala batuk, selesema, sakit tekak dan sesak nafas** dilakukan terhadap pelajar, pensyarah dan warga kolej pada setiap hari di pintu masuk kolej sebelum sesi kuliah bermula

04 Jika mempunyai suhu badan **melebihi 37.5°C atau bergejala, mereka tidak dibenarkan masuk ke kawasan kolej.** Pentadbir kolej dibenarkan untuk **melaksanakan saringan ini di dalam kawasan kolej**

05 Memastikan masa senggang diperuntukkan bagi pengambilan suhu badan pelajar yang berjalan kaki/berbasikal ke kolej

# PELAKSANAAN (SAMB.)

3. Keselamatan Pelajar, Pensyarah dan Warga Kolej

06 Melantik pensyarah bertugas untuk mengawal pergerakan pelajar di pintu masuk utama kolej semasa tiba dan pulang; memeriksa suhu badan pelajar menggunakan alat pengimbas suhu badan; dan mengawal pergerakan pelajar semasa rehat

07 Memastikan pelajar, pensyarah dan warga kolej sentiasa mematuhi penjarakan sosial pada setiap masa

08 Memastikan hebahan mengenai langkah kebersihan dan keselamatan dibuat melalui siar raya pada waktu pagi, waktu rehat dan sebelum tamat sesi perkolejan setiap hari

09 Memastikan pelajar, pensyarah dan warga kolej kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun serta hand sanitizer

10 Memastikan kedudukan pelajar dijarakkan dengan selang satu tempat duduk apabila mereka menaiki kenderaan kolej seperti bas/van/coaster

# PELAKSANAAN (SAMB.)

3. Keselamatan Pelajar, Pensyarah dan Warga Kolej

11. Mengingatkan pelajar untuk mematuhi dan **menggunakan laluan pergerakan** yang disediakan.
12. **Membekalkan pelitup muka kepada pelajar yang bergejala dan mereka diasingkan di ruang isolasi** sementara menunggu ibu bapa/penjaga membawa mereka pulang
13. Memastikan pelajar yang mempunyai masalah berkaitan imuniti badan yang rendah sentiasa memakai pelitup muka.
14. Memberikan taklimat keselamatan kepada **kontraktor pembersihan, pengawal keselamatan dan membuat penegasan** supaya sentiasa mengingatkan pekerja mereka mengenai perkara seperti **mengimbas suhu badan; tidak dibenarkan memasuki kawasan kolej jika bergejala; mematuhi arahan penjarakan sosial, pemakaian pelitup muka dan prosedur keselamatan yang lain; mengamalkan hand hygiene**
15. Memastikan tindakan berikut diambil sekiranya terdapat kes positif COVI 0-19 dalam kalangan pelajar, pensyarah dan warga kolej yang disahkan oleh PKD

# PELAKSANAAN (SAMB.)

4. Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

01

Pentadbir perlu mengambil tindakan berikut bagi melancarkan pelaksanaan PdP: **mengadakan mesyuarat penyelarasan pelaksanaan PdP, menyusun jadual PdP dengan mengambil kira bilangan kelas yang beroperasi dan kesedian pelajar serta pensyarah, melaksanakan pemantauan PdP, memberikan bimbingan secara berfokus**

02

Pensyarah yang melaksanakan PdP di kolej: **merancang pelbagai kaedah penyampaian PdP yang bersesuai, merancang dan melaksanakan PdP yang berdasarkan penjara social, memastikan semua PdP dilaksanakan tidak melibatkan aktiviti luar, memastikan semua aktiviti suka dan kokurikulum secara bersemuka tidak dilaksanakan sehingga diberitahu.**

03

Pensyarah yang melaksanakan PdP di kolej: **mempelbagaikan kaedah penyampaian PdP ikut kreativiti, menggunakan kaedah PdP yang bersesuai, mengambil kira capaian internet, pemilikan serta keupayaan alat peranti, melaksanakan Pembelajaran berasaskan Projek dengan menggunakan sumber yang muda didapati oleh pelajar, menggunakan kaedah serahan bahan PdP di kolej, dan melaksanakan pentaksiran bilik darjah apabila sesi kuliah bermula, bagi pelajar yang tidak dapat hadir menyerahkan tugasan secara dalam talian.**